

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUAABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 22 NOVEMBER 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO.
8,10 HINGGA 42)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUND ANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

SOALAN NO: 8

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tan Sri Dato' Sri Abd. Khaiid Bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)

TARIKH : 22 Nov 2011

SOALAN : Tan Sri Dato' Sri Abd. Khaiid Bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)

minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan butiran perbelanjaan RM2.2 bilion oleh Kementerian dalam

menaik taraf kawasan Muda Agriculture Development Authority (MADA)

selama 10 tahun ini.

JAWAPAN OLEH: YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program NKEA melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada Mac 2010 adalah bertujuan meningkatkan pendapatan kasar negara. Pendapatan per kapita negara dijangka meningkat dari RM23,770 setahun kepada RM48,000 setahun menjelang tahun 2020.

Di bawah sektor pertanian, projek penanaman padi di kawasan MADA merupakan salah satu projek permulaan (*Entry Point Project, EPP*) yang telah dikenal pasti bagi menangani beberapa kelemahan yang dialami oleh subsektor padi iaitu kurangnya penanaman padi secara komersial, di mana purata pemilikan tanah oleh petani ialah 2 hektar seorang.

Selain itu, sistem pengairan yang kurang baik dan kualiti tanah yang rendah telah dikenal pasti sebagai kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Kelemahan-kelemahan tersebut akan mengakibatkan produktiviti yang rendah dan kebergantungan yang tinggi kepada subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Di dalam Program NKEA bagi Sektor Pertanian, pihak MADA terlibat di dalam EPP 10 iaitu

Pengukuhan Produktiviti Tanaman Padi Di Kawasan Muda. Dua (2) skop program yang terlibat adalah:

- i) Penubuhan estet padi secara komersial dan berpusat melibatkan pembangunan projek estet padi seluas 5,000 hektar setiap tahun bermula tahun 2011 sehingga mencapai 50,000 hektar pada tahun 2020. Sasaran purata hasil padi yang ditetapkan adalah mencapai 8.0 tan/hektar (bersih) pada tahun 2020; dan
- ii) Pembangunan Sistem Pengairan Tersier. Pihak MADA bersama JPS Muda akan membangunkan sistem tersier bagi 128 blok pengairan dengan jumlah keluasan sebanyak 61,569 hektar dalam tujuh (7) fasa bermula tahun 2011 hingga 2020 melibatkan anggaran kos berjumlah RM2.2 billion.

MADA telah diperuntukkan sejumlah RM 41.8 juta bagi tahun 2011 untuk kerja-kerja rekabentuk, kerja ukur dan pengambilan tanah untuk membolehkan kerja-kerja pembinaan dimulakan pada tahun 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH

22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan setakat manakah pelaksanaan 1 juta komputer riba 1 Malaysia mengikut negeri serta kos untuk projek tersebut.

JAWAPAN:

SOALAN NO: 10

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Kinabatangan dan YB Jerai bertarikh 23 dan 24 November 2011 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu pengagihan Komputer Riba 1 Malaysia.

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan pengagihan Komputer Riba 1 Malaysia yang melibatkan tiga (3) fasa pengagihan. Setakat ini sebanyak 472,900

SOALAN NO: 10

unit komputer telah diagihkan keseluruhan negara yang melibatkan kos sebanyak RM473 juta.

Kriteria kelayakan penerimaan Komputer Riba 1 Malaysia adalah:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. penerima dari golongan berpendapatan rendah yang kurang daripada RM3,000;
- iii. satu komputer riba untuk satu keluarga sahaja;
- iv. pengagihan dilakukan di kawasan kurang liputan perkhidmatan (USP);
- v. penerima haruslah memastikan penggunaan komputer riba tidak disalahgunakan dan bebas daripada penyebaran virus, kandungan berkaitan pornografi, perkauman, kebencian dan hasutan, bahan yang diharamkan, politik atau isi kandungan yang menyalahi undang-undang;
- vi. penerima perlu mempunyai langganan jalur lebar untuk setahun; dan
- vii. komputer riba yang diterima **TIDAK** boleh dijual beli.

Memandangkan peruntukan Komputer Riba 1 Malaysia yang agak terhad, penyaringan senarai penerima telah dilakukan melibatkan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah-sekolah yang terlibat dan Ketua Masyarakat Setempat. Senarai ini akan diteliti oleh SKMM bagi memastikan ia mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Perincian peruntukan komputer yang telah diagihkan mengikut negeri adalah:

SOALAN NO: 10

No.	Negeri	Jumlah
1.	Sarawak	74,768
2.	Sabah	59,832
3.	Johor	71,085
4.	Melaka	15,577
5.	Negeri Sembilan	24,494
6.	Perak	57,534
7.	Perlis	11,281
8.	Terengganu	24,782
9.	Kelantan	28,802
10.	Pahang	26,127
11.	Pulau Pinang	10,700
12.	Kedah	46,420
13.	Selangor	15,875
14.	Wilayah Persekutuan	5,623
	JUMLAH	472,900

Bagi pertanyaan Ahli Yang Berhormat **Kinabatangan** mengenai

pelaksanaan Program ini di Parlimen Kinabatangan, setakat ini sebanyak 3,187 unit komputer riba telah diagihkan kepada pelajar sekolah manakala sebanyak 6,000 unit lagi telah diperuntukkan untuk agihan kepada pelajar sekolah dan pengguna awam yang layak.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2011

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANGPATAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) sejauh manakah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menguruskan hutang individu yang dirujuk di bawah Program Pengurusan Hutang; dan
- (b) jumlah individu yangberjaya menerima kaunseling untuk menyelesaikan masalah kewangan pada 3 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat bulan September 2011, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah berjaya memberikan bantuan menguruskan hutang secara percuma kepada seramai 65,517 individu di bawah Program Pengurusan Kredit dengan jumlah hutang di bawah pengurusannya lebih daripada RM6.6 bilion. Sejak AKPK ditubuhkan pada tahun 2006 sehingga kini, jumlah bayaran balik pinjaman yang telah dikutip bagi pihak institusi-institusi kewangan terbabit adalah berjumlah RM700 juta manakala jumlah kutipan bulanan daripada para pelanggan Program Pengurusan Kredit pula ialah dalam purata RM26 juta sebulan.

Bagi pelanggan yang gagal membayar balik hutang pada kadar yang telah disusun semula oleh pihak AKPK, mereka akan dikeluarkan dari Program

Pengurusan Kredit. Apabila ini berlaku, semua bentuk pengurangan kadar faedah serta diskaun yang diberi akan ditarik balik oleh pihak institusi kewangan. Di samping itu, institusi kewangan terbabit berhak mengambil tindakan mahkamah ke atas peminjam yang gagal membayar balik hutang mereka. Bagi mengelak kesulitan disebabkan oleh masalah kewangan, orang ramai mestilah terlebih dahulu memastikan mereka mempunyai kemampuan untuk membayar balik hutang sebelum memutuskan untuk membuat pinjaman, sentiasa berdisiplin dan bijaksana mengurus hutang mereka.

(b) AKPK turut menyediakan khidmat kaunseling kewangan peribadi kepada orang ramai secara percuma bagi membantu menjadikan pengurusan kewangan individu lebih berkesan. Di antaranya ialah memberikan khidmat runding cara dan nasihat termasuklah cara mengurus aliran tunai, cara menggunakan bajet, cara menggunakan kad kredit dengan betul serta kepentingan menabung dan mempunyai simpanan untuk kegunaan masa hadapan dan sewaktu kecemasan. Bagi tempoh tiga tahun yang lalu, jumlah pelanggan yang telah menerima nasihat kaunseling kewangan dari AKPK adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Pelanggan (Individu)
2008	41,447
2009	36,848
2010	30,010
2011 (setakat September 2011)	22,948

Penurunan jumlah pelanggan sejak tahun 2008 adalah disebabkan oleh kesedaran orang ramai tentang kepentingan mengurus kewangan dengan lebih baik hasil daripada pendekatan menyeluruh AKPK di dalam membantu individu menganalisa kedudukan kewangan mereka dan mengenal pasti pilihan yang ada untuk kembali ke landasan yang betul.

Melalui program-program pendidikan kewangan yang dijalankan, seperti program "POWER! - Pengurusan Wang Ringgit Anda" (yang memberi tumpuan khusus kepada para peminjam dan bakal peminjam), serta penyediaan tip-tip kewangan dan kalkulator kewangan di laman web AKPK, adalah diharapkan agar lebih ramai lagi individu yang dapat mengurus kewangan mereka dengan baik dan tidak terjebak dengan menanggung beban hutang yang tinggi.

NO. SOALAN: 12

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS
(2011) _____**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
TARIKH [KUANTAN]
 22 NOVEMBER 2011 [SELASA]**

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah komprehensif yang akan dilaksanakan pihak Kerajaan untuk memastikan:-

- (a) institusi zakat lebih efektif dalam **mengagihkan zakat** kepada golongan yang layak menerima bantuan kewangan zakat; dan
- (b) program pusat zakat melibatkan **program pembangunan kapasiti** yang dapat membantu mengeluarkan penerima bantuan dari kemiskinan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Butiran 1, Senarai Kedua, Jadual ke Sembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing.

Saya percaya setiap Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan terbaik bagi mengendalikan dan meningkatkan tahap pengurusan zakat mereka.

Namun demikian, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) secara pentadbiran sentiasa bekerjasama dengan semua MAIN dan Agensi Mengurus Zakat dari semasa ke semasa dan berusaha meningkatkan lagi prestasi pengurusan zakat bukan saja kutipan tetapi juga agihan melalui program dan aktiviti-aktiviti penyelarasan seperti bengkel, seminar dan perbincangan. Antara program-program yang telah diadakan:

- i) Mesyuarat Penyelarasan

- ii) Program Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan
- iii) Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan
- iv) Ijtima' Amil Kebangsaan
- v) Kursus dan Seminar

Di samping itu, bagi maksud yang sama JAWHAR telah berusaha menghasil dan menerbitkan manual-manual pengurusan berkaitan zakat sebagai panduan dan rujukan yang seragam kepada pusat zakat Majlis-Majlis Agama Islam Negeri. Antara manual berkaitan zakat yang telah diterbitkan sehingga kini ialah:

- i) Manual Pengurusan Pengiraan Zakat;
- ii) Manual Pengurusan Zakat Perbankan;
- iii) Manual Pengurusan Agihan Zakat; dan
- iv) Manual Pengurusan Model Perundungan Zakat.

Saya percaya usaha-usaha yang dijalankan itu telah dapat meningkatkan keberkesanan dan prestasi pengurusan zakat di negeri-negeri.

- b) Berdasarkan lapan asraf yang ditetapkan, pelbagai skim bantuan ditawar dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah dan lain-lain. Skim agihan dan skim bantuan zakat seumpama ini sudah pasti dapat meringankan beban yang ditanggung oleh asraf zakat yang hidup dalam kedaifan dan

kesempitan.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan. Umpamanya bantuan biasiswa kepada anak-anak asnaf, skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 28 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah bagi membantu asnaf fakir miskin keluar dari kepompong kemiskinan sehingga dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa malah lebih jauh dari itu mereka pula akan muncul sebagai pembayar zakat dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARI PADA

**Y.B. DATUK SERI TIONG KING SING (BINTULU)
LISAN**

PERTANYAAN

22.11.2011

Y.B. DATUK SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- a) adakah Skim Pinjaman Rumah Pertamaku yang dilancarkan telah mencapai sasarannya sejak dilancarkan pada Mac 2011; dan
- b) jumlah kes yang dipohon dan diluluskan, pecahan penerima pinjaman dari segi umur dan jumlah pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memahami keperluan rakyat untuk memiliki rumah dengan harga berpatutan dan berkualiti terutamanya oleh golongan muda yang baru bekerja. Untuk itu, bagi membantu golongan ini, Kerajaan telah melancarkan **Skim Rumah Pertamaku** pada bulan Mac 2011. Dibawah skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Skim ini membolehkan golongan muda yang berusia di bawah 35 tahun dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan bagi individu atau

RM6,000 bagi suami dan isteri, termasuk yang baru berkahwin untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka.

2. Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah menambahbaik syarat dalam Skim Rumah Pertamaku ini bagi membolehkan lebih ramai pembeli menikmati kemudahan di bawah Skim ini. Penambahbaikan Skim ini akan membolehkan peminjam pasangan suami isteri untuk membeli rumah kediaman bernilai sehingga RM400 ribu. Walau bagaimanapun, bagi pemohon individu, had kelayakan nilai rumah dikekalkan pada RM220 ribu bagi mengelakkan pendedahan yang besar terhadap hutang.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Sehingga 31 Ogos 2011, sejumlah 1,314 permohonan yang bernilai RM193.6 juta telah diterima untuk mendapatkan jaminan di bawah Skim Rumah Pertamaku. Daripada jumlah tersebut, 205 pinjaman telah diberikan jaminan dengan nilai RM29.9 juta. Sebahagian besar penerima jaminan adalah dalam lingkungan umur antara 24 dan 26 tahun iaitu seramai 80 orang dan diikuti oleh golongan berumur antara 27 dan 29 tahun iaitu seramai 58 orang.

NO. SOALAN:

14 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DATO' SERI ABDUL HADIBIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH 22 NOVEMBER 2011

SOALAN

Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar pihak PETRONAS di bawah pengurusan terkini lebih menumpukan kepada pelaburan domestik dan mengurangkan pelaburan luar negara. Sekiranya benar, berikan alasannya dan kesannya terhadap tenaga kerja profesional dalam PETRONAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini PETRONAS telah memberikan tumpuan dalam meningkatkan pelaburan domestik dalam usaha untuk mengekalkan kadar pengeluaran petroleum bagi kepentingan negara dan syarikat. Namun begitu PETRONAS juga meneruskan usaha pelaburannya di luar negara.

Bagi memastikan portfolio pelaburan syarikat sentiasa teguh dan berdaya saing, peluang untuk sebarang pengambilan atau pengurangan/pemberhentian pelaburan (*divestment*) sentiasa di pertimbangkan untuk aset-aset di luar negara. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini tidak akan memberi kesan terhadap tenaga kerja profesional dalam PETRONAS.

SOALAN NO. 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

(TENGGARA)

TARIKH 22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Tenggara) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tahun 2010/2011 dan nyatakan jenis-jenis keganasan rumah tangga serta langkah Kerajaan bagi membendung gejala ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun keluarga.

Bagi tahun 2010, bilangan kes keganasan rumah tangga adalah sebanyak 695 kes. Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mencatatkan kes keganasan rumah tangga yang paling tinggi iaitu sebanyak 167 kes, diikuti oleh Kuala Lumpur (95 kes) dan Pulau Pinang (70 kes). Manakala bagi tahun 2011 iaitu sehingga Julai 2011, sebanyak 186 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor masih mencatat kes keganasan paling tinggi iaitu sebanyak 121 kes, diikuti Pulau Pinang 48 kes dan Kuala Lumpur 47 kes.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, daripada jumlah kes keganasan

rumah tangga bagi tahun 2010 dan 2011, jenis keganasan rumah tangga adalah seperti berikut:

- 332 kes yang menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa;
- 608 kes yang meletak mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- 66 kes yang memaksa atau membuat ancaman terhadap mangsa untuk melakukan apa-apa kelakuan berbentuk seksual;
- 37 kes yang melakukan khianat dan kerosakan harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan/kegusaran kepada mangsa; dan
- 9 kes yang mengurung atau menahan mangsa.

KPWKM melalui agensi-agensi di bawahnya bertanggungjawab membantu mangsa keganasan rumah tangga mengikut peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membendung masalah keganasan rumah tangga termasuklah:

1. Meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1984 yang mana pindaan akta ini telah diluluskan oleh Dewan ini pada 4 Oktober 2011. Antara pindaan yang dibuat termasuklah:

memperluaskan skop keganasan rumah tangga bagi turut menangani aspek penderaan emosi, mental dan psikologi sebagai tambahan kepada penderaan fizikal;

Pindaan turut menjamin mangsa mendapat perlindungan tambahan bagi melarang pelaku keganasan rumah tangga menghampiri mangsa pada jarak sekurang-kurangnya 50 meter atau pada apa-apa jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah;

Selain itu, pindaan yang baru ini juga turut memudahkan urusan mendapatkan perintah perlindungan sama ada perintah perlindungan (PO) atau perintah pelindungan interim (IPO). Perintah perlindungan kini dapat difaiklan di mana-mana mahkamah tanpa mengira wilayah bidang kuasa mahkamah itu berada dan perintah ini juga boleh difaiklan oleh mana-mana pegawai mahkamah tidak terhad kepada Pendaftar Mahkamah sahaja; dan

Peruntukan baru juga diwujudkan bagi membolehkan permohonan untuk mendapat perintah perlindungan interim (IPO) boleh dibuat melalui permohonan sebelah pihak sahaja

(*ex-parte*) sama ada oleh pemohon; peguam pemohon atau seorang pegawai kebajikan bagi pihak pemohon. Malah pindaan

baru ini juga turut memperuntukkan bahawa kesalahan keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan yang boleh tangkap (*seizable offence*).

Bagi membendung keganasan rumah tangga KPWKM melalui agensi-agensinya telah mengadakan beberapa program seperti berikut:

- Seminar Literasi Undang-undang yang telah diperkenalkan sejak tahun 2009 dan melibatkan seramai 4,562 orang peserta. Program ini adalah hasil kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan bukan kerajaan seperti Jabatan Kehakiman Syariah, JAKIM, Polis Di Raja Malaysia, *Women Aid Organisation (WAO)* dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO);
- Bagi menangani isu ini juga, Bengkel Pengurusan Emosi sebanyak 6 kali sepanjang 2010 dan 2 kali pada tahun 2011 telah diadakan yang melibatkan seramai 1,619 orang peserta;

Selain itu, seramai 51,775 orang peserta telah menyertai program Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang dilaksanakan di 222 kawasan Parlimen. Program ini telah diperkenalkan sejak tahun 2009;

Bagi membantu pasangan menguruskan konflik dan tekanan, modul “Alam Keibubapaan” serta “Menangani Tekanan dan Konflik” turut diintegrasikan dalam Kursus PraPerkahwinan SMARTSTART LPPKN.

Kursus ini disertai oleh pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin (kurang 5 tahun). Dari tahun 2006 hingga bulan September 2011, sejumlah 404 program telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan Badan-badan Agama yang memanfaatkan sebanyak 6,998 pasangan; dan

Menyedari bahawa kemiskinan dan kesempitan kewangan merupakan salah satu daripada punca perceraian dan masalah sosial, Kementerian melalui LPPKN telah menyediakan program pengurusan kewangan keluarga SMARTbelanja@LPPKN. Tujuan utama adalah untuk membantu kumpulan sasar meningkatkan pengetahuan, memberi panduan dan kemahiran dalam merancang kewangan serta perbelanjaan keluarga setiap bulan.

Program ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Dari tahun 2008 hingga bulan September 2011, sebanyak 100 program telah dilaksanakan di mana 5,362 orang ahli keluarga telah mendapat manfaat.

Tuan Yang di Pertua,

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga seperti berikut:

- Khidmat bimbingan dan kaunseling bagi mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa keganasan rumah tangga. Sebanyak 233 kes telah berjaya diselesaikan melalui kaunseling sepanjang tahun 2010 dan 2011 oleh JKM dan JPW; dan
- Perkhidmatan Talian Nur 15999 sejak 5 Disember 2007 bagi memudahkan orang awam termasuk mangsa keganasan rumah tangga untuk membuat aduan ataupun membuat pertanyaan. Sepanjang tahun 2010 sebanyak 118 aduan mangsa keganasan rumah tangga diterima melalui Talian Nur dan sebanyak 104 aduan diterima sehingga kini pada tahun 2011.

No. Soalan : 16
PR-1243-
L46560

PEMBERITAHUAN BAGI PERTANYAAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA **TUAN KARPAL SINGH [**
BUKIT GELUGOR]

TARIKH 22 November 2011

SOALAN Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan bilangan pegawai bukan
Melayu dalam perkhidmatan
kedutaan Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, jumlah penjawat awam di Kementerian Luar Negeri (KLN) adalah seramai **1,407 orang**. Daripada jumlah penjawat awam yang **dibekalkan** kepada KLN ini, seramai **174 orang (12.37%)** adalah penjawat awam **bukan Melayu**.

3. Daripada jumlah 174 orang bukan Melayu tersebut, seramai **50 orang (29%)** pada masa kini bertugas di **Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri**.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 17
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI
AZIZ [SRI GADING]**

TARIKH 22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh mana Gagasan 1 Malaysia telah berjaya menjadi instrumen penting dalam menyubur dan memupuk perpaduan antara kaum di dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah menganjurkan pelbagai program yang melibatkan penyertaan masyarakat berbilang kaum bagi menyubur dan menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Penglibatan ramai rakyat berbilang kaum ini boleh dilihat sebagai salah satu ukuran bahawa Gagasan 1 Malaysia berjaya dihayati oleh rakyat untuk sama-sama berhimpun dan berinteraksi dalam sesuatu program.

SOALANNO: 17

Usaha Kementerian untuk memberikan pemahaman kepada rakyat untuk terus menerima dan memberikan sokongan kepada Gagasan 1Malaysia dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti Sepakat Komuniti 1Malaysia, Info 1 Malaysia, Sekolah Anak Angkat, Khemah Kerja Kelab Setia, Pengisahan 1 Malaysia, Pidato Kenegaraan (Bukan Melayu), Forum Jati Diri 1 Malaysia, Kembara Merdeka Jalur Gemilang, Pentarama dan Wacana 1 Malaysia.

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini dilihat telah mendatangkan hasil yang positif di mana setiap majlis atau program, ucapan 1 Malaysia telah menjadi amalan, penyertaan dan kehadiran pelbagai kaum di dalam sesuatu majlis duduk dan makan semeja, penggunaan logo 1 Malaysia di iklan-iklan, produk-produk makanan dan barang-barangan lain oleh sektor swasta dan NGO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

[POKOKSENA]

TARIKH

22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kos pembikinan dan penyiaran bagi slot filem iklan yang bertujuan untuk menghasut rakyat supaya jangan menyertai dan menimbulkan kebencian

SOALAN NO: 18

terhadap rakyat yang menyertai perhimpunan BERSIH 2.0 yang disiarkan oleh RTM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada slot siaran iklan berkenaan perhimpunan BERSIH telah dibeli oleh RTM melalui saluran TV1, TV2 dan Tvi. Sehubungan itu, kos berkenaan juga adalah tidak berkaitan.

Walau bagaimanapun, RTM ada menyiarkan promo atau kapsul berkaitan perhimpunan BERSIH dalam kadar kekerapan 79 kali untuk

SOALAN NO: 18

TV1, 25 kali untuk TV2, 81 kali untuk TVi dan 49 kali dalam Slot Berita sepanjang tempoh Jun dan Julai 2011.

**t4o .
Ne., AUM, "SO**

NG. AUP"

**PEIVIBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]
TARIKH	22 NOVEMBER 2011
RUJUKAN	4205

SOALAN:

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa sebenarnya bilangan pemegang IMM13 dari Sabah yang telah diberi status warganegara Malaysia yang sekarang mempunyai Kad Pengenalan Biru setakat bulan September 2011. Nyatakan juga proses tertentu bagaimana mendapatkan Kad Pengenalan Biru kerana dalam pengetahuan masyarakat tempatan Sabah melihat pemberian Kad Pengenalan Biru begitu senang diperoleh oleh pendatang asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada YB. Datuk Siringan bin Gubat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, kerajaan tidak pernah menganugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada pemegang-pemegang IMM13 kerana golongan ini tidak mempunyai sebarang tuntutan untuk memohon sebagai warganegara Malaysia.

Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bagi seseorang warga asing yang ingin memohon untuk menjadi warganegara Malaysia, syarat-syarat berikut hendaklah dipenuhi:

- (a) Telah memegang taraf pemastautin tetap (Kad Pengenalan Merah) Malaysia sekurang-kurangnya selama 12 tahun;
- (b) Telah berkelakuan baik;
- (c) Mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu; dan
- (d) Mempunyai niat untuk bermastautin secara tetap di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH **22 NOVEMBER 2011**
SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status siasatan berhubung kes tembakan gas pemedih mata dan air oleh FRU ke dalam perkarangan Hospital Tung Shin Kuala Lumpur pada 9 Julai 2011.

Tuan Yang di-Pertua

Di dalam usaha mencari kebenaran dan bersifat lebih telus mengenai isu ini, maka pihak Kementerian telah menubuhkan “**Jawatankuasa Siasatan Dalaman Peringkat Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia**”, pada 15 Julai 2011, bagi tujuan melakukan siasatan secara mendalam dan teliti mengenai isu ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh **Ketua Setiausaha**, Kementerian Kesihatan Malaysia, lanya dianggotai oleh seramai enam (6) orang pegawai pengurusan peringkat tertinggi dan pegawai kanan Kementerian.

1

Matlamat utama penubuhan Jawatankuasa ini adalah bagi tujuan menyiasat secara teliti dan mendalam mengenai dakwaan terhadap wujudnya semburan air (*water-cannon*) dan tembakan gas pemedih mata (*tear gas*), ke arah HTS semasa berlakunya insiden perhimpunan haram oleh kumpulan BERSIH 2.0 pada tarikh 9 Julai 2011 (Sabtu) lalu, dan juga ‘*impak*’ terhadap insiden tersebut.

Berikut adalah penemuan (*findings*) yang telah berjaya diperolehi melalui siasatan oleh “Jawatankuasa Siasatan Dalaman Peringkat Tertinggi KKM”

SOALAN NO: 22

iaitu:

- (a) **Berlaku** semburan air (*water-cannon*) oleh anggota keselamatan PDRM, **ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)** yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan bertingkat dan pintu masuk utama HTS;
- (b) **Berlaku** tembakan gas pemedih mata (*tear gas*) dari arah premis Waz Lian oleh anggota PDRM **ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)** yang sedang berkumpul di tempat letak kereta awam yang terletak di luar kawasan HTS; dan
- (c) **Berlaku** lontaran ‘bom asap’ oleh anggota PDRM, **ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)** yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan Hospital Bersalin Cina (*Chinese Maternity Hospital @ CMH*), pada 9 Julai 2011.

Berhubung dengan hasil siasatan yang menunjukkan berlakunya lontaran bom asap di kawasan CMH, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), memandang serius kejadian ini dan telah membawa perkara ini ke perhatian Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk diambil tindakan yang sewajarnya terhadap anggota PDRM yang terlibat (melakukan lontaran bom asap), bagi tujuan memastikan perkara yang sama tidak akan berulang lagi di masa-masa akan datang.

²
Selain daripada itu, berikut adalah penemuan (*findings*) berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh jawatankuasa ini dari aspek ‘*impak*’, mengenai dakwaan insiden tersebut, iaitu;

- a) **TIADA** sebarang aduan rasmi telah dibuat oleh mana-mana *in-house patient*, ataupun ‘penjaga’ kepada *in-house patient* ataupun ‘pelawat’ kepada *in-house patient*, kepada pihak pengurusan HTS, terhadap sebarang kecederaan, ‘kacau-ganggu’ (*disturbance*) ataupun *traumatic*, ekoran daripada insiden pada 9 Julai 2011;
- b) **Akibat** daripada rempuhan oleh para penunjuk perasaan

(*demonstrators*) maka berlaku kerosakan kepada pagar di sebelah tempat parkir kenderaan HTS; dan

- c) **TIADA** sebarang gangguan berlaku terhadap operasi dan pengurusan di HTS, pada hari berkenaan.

SOALAN MO 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

1

PERTANYAAN LIISAN

DARIPADA Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

PADANG BESAR 22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

KAWASAN

TARIKH SOALAN

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

[PAI>ANIG BESAR] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan
?ilakah pembinaan "jejambat dua-dalam-satu" di Pekan Padang
Bewr akan disambung semula oleh kontraktor baru memandangkan
Kem«; iterian berkenaan telah berjanji dalam Dewan Yang Mulia ini,
pada lienggal lalu, bahawa projek ini telah ditender semula dan
kontraktor baru telah pun dilantik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

22/11/2011 14:52 03-27115612 CPP, KKR PAGE 04/05
Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kontrak bagi

Pakej 3: Membina jalan Raya dari Ulu Pauh Melalui Chuping Ke Padang Besar, Perlis telahpun ditamatkan secara persetujuan bersam; (mutual termination) pada 30 Julai 2010. Ia berikutan dari ketidakmampuan pihak kontraktor untuk meneruskan baki skop kerja disebabkan masalah aliran tunai akibat dari kenaikan harga bahan binaan di pasaran. Semasa kontrak ditamatkan, kemajuan kerja fizikal di tapak ialah 88% berbanding 100% mengikut jadual.

Sehubungan itu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik kontraktor penyiap bagi menyiapkan baki projek ini. Kontraktor* penyiap tersebut telah memasuki tapak pada 3 Oktober 2011 yang lalu dengan tempoh pembinaan selama 12 bulan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKAMAN NO. 22

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN
[MERBOK]

TARIKH 22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana Kerajaan menangani gejala penyelewengan permit pengangkutan awam di mana pemegang permit mengaut keuntungan tanpa usaha dengan menyewa permit-permit mereka kepada orang ketiga.

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI SAMSUAN NO. 22
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) telah melaksanakan proses pendaftaran semula lesen-lesen kenderaan perdagangan bermula 1 April hingga 30 September 2011 seperti mana yang diperuntukkan dalam Seksyen 10(1) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2010. Tujuan pendaftaran semula ini adalah bagi mengenal pasti pemegang-pemegang lesen sedia ada yang tulen dan beroperasi sepenuhnya dan pengusaha yang bermasalah.

Seiring dengan peruntukan Seksyen 16 (1) dan 51 (1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, S.P.A.D akan mengeluarkan lesen pengendali kepada pengusaha-pengusaha yang telah mendaftar semula bermula pada tahun 2012. Lesen pengendali akan mengubah bentuk pelesenan sedia ada daripada berdasarkan kenderaan kepada lesen berdasarkan pengusaha. Langkah ini akan meningkatkan kawal

SOALAN NO. 22

Dalam pada itu, S.P.A.D turut mengambil langkah bagi merekod dan mendaftar semua pemandu kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan barang termasuk teksi. Inisiatif ini akan membantu Kerajaan mengenal pasti antara pengusaha teksi yang betul-betul menjalankan perkhidmatan dengan baik dan sempurna dengan pengusaha yang mengambil kesempatan menyewakan permit kepada orang lain tanpa mengusahakan perkhidmatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN	
DARIPADA	LISAN Y.B. DATUK IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
TARIKH	[LEDANG]
	22 NOVEMBER 2011
SOALAN	23

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah status ATSB sekarang ini. Berapakah saintis yang telah melepaskan jawatan dan berhijrah ke tempat lain dan bagaimana ATSB boleh membantu menggembangkan semula kepakarannya sejajar dengan keperluan semasa di peringkat dunia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd (ATSB) adalah sebuah syarikat kerajaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang diberi mandat untuk membangunkan teknologi angkasa negara telah diwujudkan sejak tahun 1997 tanpa sebarang peruntukan modal dan belanjawan mengurus. Walau bagaimanapun, ATSB telah berjaya berkembang dan beroperasi secara *self-sustaining* melalui kaedah perbelanjaan berhemat bersandarkan projek yang diperolehi berkaitan

teknologi angkasa oleh Kerajaan. Setelah kejayaan pelancaran projek mikrosatelite TiungSAT-1 pada tahun 2000, projek terakhir Pembangunan Teknologi Angkasa Negara adalah pembangunan satelit RazakSAT yang berjaya dilancarkan ke orbit hampir khatulistiwa pada tahun 2009.

Ketiadaan projek sambungan berkaitan pembangunan teknologi angkasa memberi kesan langsung kepada aliran tunai syarikat dan mengakibatkan beberapa saintis dan jurutera ATSB berhijrah untuk berkhidmat dengan pesaing-pesaing industri di dalam dan luar negara. Pada tahun 2008 ATSB memiliki kekuatan maksimum modal insan seramai 125 orang. Walau bagaimanapun, setakat bulan Oktober2011, ATSB telah kehilangan lebih daripada 40% kakitangannya dan kini hanya memiliki modal insan seramai 73 orang.

Sepanjang penubuhannya sebagai pembangun teknologi angkasa, ATSB telah membuka peluang pekerjaan dan membangunkan tenaga pakar kejuruteraan untuk seramai 115 orang. Namun begitu, jumlah terkini tenaga pakar yang tinggal berkhidmat di ATSB adalah seramai 45 orang. Terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada sebab tenaga-tenaga pakar ini berhenti berkhidmat dengan ATSB seperti gaji yang tidak memuaskan, ketidakyakinan dan tiada jaminan masa hadapan dalam kerjaya dalam bidang teknologi angkasa serta menerokai peluang dan tawaran pekerjaan yang baru dengan berhijrah ke syarikat lain di dalam dan luar negara.

MOSTI telah mengemukakan cadangan program pembangunan satelit RazakSAT-2 bagi meneruskan kesinambungan kepada program satelit *remote sensing* negara dan juga untuk mengukuhkan tenaga pakar yang

sedia ada sebagai strategi *brain retention* di ATSB. Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan bagi pembangunan, pembuatan, pengujian, pelancaran dan pengoperasian satelit RazakSAT-2 untuk tempoh 5 tahun dengan peruntukan sebanyak RM200.8 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Dengan kelulusan ini, adalah diharapkan kesinambungan program pembangunan teknologi angkasa sepertimana projek RazakSAT, sebagai satelit pertama dunia yang dilancarkan ke orbit hampir Khatulistiwa dapat diteruskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN PUAN TEO NIE
DARIPADA CHING 22 NOVEMBER 2011
TARIKH (SELASA) NO.24
SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan hasil kajian terkini untuk mengiktirafkan Sijil Sekolah Menengah Persendirian Cina (*Unified Examination Certificate - UEC*) supaya pelajar-pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina boleh melanjut pelajaran mereka di IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan agar Kerajaan membenarkan lulusan UEC memasuki IPTA telah diambil perhatian oleh Kementerian. Namun, dalam masa yang sama, terdapat juga tuntutan agar cadangan tersebut dikaji dengan teliti supaya tidak bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Kerajaan sebenarnya amat prihatin terhadap tuntutan semua pihak dan sudah pasti tidak akan membuat keputusan terburu-buru tanpa menjalankan kajian yang menyeluruh. Bagi membuat suatu keputusan, kementerian akan memastikan ia memberi manfaat kepada rakyat dan juga negara.

No. 49

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON

[TANGGA BATU]

TARIKH: 22 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah masih terdapat perbezaan piawaian gred gaji bagi anggota beruniform pelbagai pangkat pasukan polis dan tentera yang mempunyai terma dan syarat perkhidmatan yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah dua perkhidmatan yang berbeza dengan skim perkhidmatan dan syarat-syarat perkhidmatan yang berbeza. Sehubungan itu, kedua-dua perkhidmatan ini mempunyai gred gaji yang berbeza berdasarkan skop fungsi tugas yang berbeza.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]

22 NOVEMBER 2011

TARIKH

4204

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan rakyat asing yang telah diiktiraf sebagai warganegara dan penduduk tetap di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan jumlah mereka yang mempunyai dua kewarganegaraan.

NO. SOALAN : 28

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah warga asing yang telah menjadi warganegara dari tahun 2007 sehingga Ogos 2011 ialah seramai 27,719 orang. Manakala yang mendapat taraf pemastautin tetap sehingga Julai 2011 ialah seramai 300,474 orang.

Dalam hal ini, di bawah perkara 24 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf dwi kewarganegaraan dan sekiranya didapati seseorang warganegara Malaysia memperoleh kewarganegaraan lain-lain negara tindakan perlucutan kewarganegaraan Malaysia akan diambil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]

TARIKH 22 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- a) Jumlah keluarga miskin yang telah dapat dikeluarkan daripada kategori miskin berdasarkan data eKasih; dan
- b) Mengapa ada penerima yang tetap miskin walaupun menerima pelbagai bantuan dan senaraikan program serta perbelanjaan mengikut jenis bantuan atau program yang Kerajaan rangka bagi membasmi kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

eKasih adalah merupakan Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional yang telah dibangunkan oleh Kerajaan bermula tahun 2008 untuk mengintegrasikan data dan maklumat isirumah di bawah paras kemiskinan tanpa mengira kaum dan meliputi kawasan bandar serta luar bandar.

Bilangan dan kedudukan setiap isirumah di dalam eKasih akan dipantau dan pergerakan mereka akan dilaporkan bagi menentukan kedudukan status dan juga bantuan yang diperlukan melalui *need analysis* yang dilakukan. Terdapat empat (4) kategori maklumat kemiskinan yang boleh dijana dari Sistem eKasih, iaitu Miskin Tegar, Miskin, Mudah Miskin dan

SOALAN NO.27

melepas *Threshold* atau Terkeluar. Sehingga 31 Oktober 2011, bilangan isi rumah yang berdaftar seluruh negara adalah berjumlah sebanyak 334,779. Dari jumlah tersebut, sebanyak 56,445 isi rumah telah dikeluarkan daripada kategori miskin tegar dan miskin dan kemudiannya berstatus mudah miskin atau melepas *threshold* atau terkeluar atas sebab pendapatan telah meningkat dan melepas Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang disumbangkan oleh pelbagai bantuan yang diterima dan projek yang disertai oleh setiap ahli isi rumah berkenaan.

Menyedari hakikat bahawa fenomena kemiskinan adalah sesuatu yang dinamik dan tidak malar, sesebuah isi rumah tidak boleh dianggap selamanya akan terkeluar daripada kemiskinan sejurus selepas bantuan diberi. Hakikatnya, tanpa pemantauan dan sokongan yang berterusan, sesebuah isi rumah tersebut adalah ‘berisiko tinggi’ untuk jatuh semula ke status kemiskinan. Walau bagaimanapun, perkara ini sangat bergantung kepada sikap dan semangat individu atau isi rumah itu sendiri, samada ingin terus kekal terkeluar atau jatuh semula ke kepompong kemiskinan. Kerajaan sentiasa menyediakan peluang dan memberi dorongan kepada mereka yang bersemangat ingin keluar dari kemiskinan. Malahan, di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMK-10), usaha dan inisiatif Kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang sejahtera tidak hanya

terbatas kepada mengatasi kemiskinan sahaja. Ia sebenarnya merangkumi ruang lingkup yang lebih luas seperti meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40% terendah (*bottom 40%*) iaitu isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM2.300 sebulan. Ia juga tersenarai sebagai salah satu daripada tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA-*Low Income Household*). Dengan jumlah peruntukan bagi program dibawah NKRA-LIH yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2010 & 2011 adalah berjumlah RM641.7 juta khusus bagi program 1AZAM, Kerajaan sentiasa merencana dan merancang strategi yang berkesan dalam program-program membasmikan kemiskinan diseluruh negara.

Terdapat banyak program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan secara berterusan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khusus bagi memastikan kadar kemiskinan terus turun di samping membantu meringankan beban rakyat. Sejajar dengan prestasi pelaksanaan program pembangunan koridor dalam tempoh RMK-9 dan aspirasi di dalam RMK-10, Kerajaan akan terus komited dalam memastikan program-program pembasmian kemiskinan terutamanya bagi kumpulan 40% terendah dilaksanakan dengan memberi fokus kepada kumpulan terpencil serta etnik-etnik tertentu yang biasanya tinggal di pedalaman. Pembangunan memfokuskan strategi dan tumpuan penyaluran bantuan mengikut kluster bantuan yang dilaksanakan seperti berikut:

- i. **kluster program peningkatan pendapatan** yang juga di bawah teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi menyediakan dan meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat. Ia dilaksanakan

melalui Program 1AZAM yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan dilaksana oleh agensi *champion*;

- ii. **kluster penyediaan infrastruktur asas** iaitu Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA-BRI) meliputi Jalan Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) terus dilaksanakan dengan tumpuan kepada kumpulan sasar yang sukar dihubungi dan menduduki rumah yang daif;
- iii. **kluster sosio kebajikan dan pembangunan modal insan serta perkhidmatan kesihatan** di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan juga diteruskan dengan tumpuan kepada kumpulan sasar yang tidak produktif dengan bantuan tunai, peralatan dan modal; dan
- iv. **Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)** dilaksanakan dengan memfokuskan kepada kemiskinan tegar di kawasan-kawasan bandar bagi meningkatkan kesejahteraan isi rumah berkenaan.

NO. SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

[KUALA SELANGOR]

TARIKH 22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah ahli keluarga YAB Perdana Menteri yang bersama dalam rombongan-entourage beliau ke Kazakhstan atas urusan pra-pertunangan yang berlaku serentak dengan lawatan rasmi ke negara tersebut serta untuk menghadiri Persidangan WIEF.

JAWAPAN: **(DATO⁵ SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Tuan Yang Di Pertua,

Lawatan YAB PM ke Khazakhstan adalah lawatan rasmi ke negara tersebut di atas jemputan Presiden Khazakhstan dan untuk tujuan menghadiri World Islamic Economic Forum. Tidak ada sebarang urusan pertunangan anak PM berlaku semasa lawatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN (29)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

DARIPADA Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
 [MAS GADING]

SOALAN

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peratusan infrastruktur awam termasuk bangunan Kerajaan di negara ini yang menyediakan kemudahan dan keperluan bagi golongan kurang berkemampuan dan orang kurang upaya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan infrastruktur oleh Orang Kurang Upaya (OKU) adalah seperti *ramp*, kemudahan tandas yang sesuai, kemudahan lif dan *escalator*, tangga dan susur tangan yang sesuai, tempat letak kenderaan, papan tanda, lampu isyarat berbunyi, tingkap dan pintu yang sesuai, jubin bantu arah serta ruang perabot dan bangunan yang sesuai kepada semua OKU.

Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan buku “*Guidelines On Building Requirement For Disabled Persons*” pada tahun 2005 dan membuat pindaan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984, (Undang-undang kecil 34A) mengenai keperluan kemudahan bangunan bagi OKU. Adalah dianggarkan 5% - 10% bangunan Kerajaan pada masa ini mempunyai kemudahan asas untuk OKU seperti tempat letak kenderaan khas, *ramp*, bilik air OKU serta susur tangan. Sementara itu, bagi semua bangunan-bangunan baru yang dibina, langkah-langkah untuk meningkatkan

kemudahan bagi golongan OKU dilaksanakan secara berterusan oleh semua agensi kerajaan berdasarkan peruntukan UKBS 1984.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang]

TARIKH 22 November 2011 (Selasa)

SOALAN 30

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan menjelaskan apakah punca AirAsia ingin mengalihkan ibu pejabat (HQ) mereka ke Jakarta dan kenapakah ia dibatalkan kemudiannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Pendang, AirAsia tidak mempunyai rancangan untuk mengalihkan ibu pejabatnya ke Jakarta, Indonesia. AirAsia ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai pemegang saham oleh warganegara Malaysia secara majoriti serta merupakan syarikat penerbangan negara. Oleh demikian, ibu pejabatnya akan sentiasa kekal di Malaysia.

Walau bagaimanapun, AirAsia mempunyai perancangan untuk memperluaskan pejabat pentadbirannya ke Indonesia sebagai *regional office* yang bertujuan untuk mengendalikan urusan pentadbiran bagi

perkhidmatan penerbangan di rantau ASEAN. Memandangkan pasaran ASEAN merupakan pasaran bagi perkhidmatan penerbangan antarabangsa yang utama bagi AirAsia, dan, pejabat sekretariat ASEAN juga terletak di Jakarta, pihak AirAsia merasakan adalah sesuai untuk syarikat tersebut menubuhkan *regional office*-nya di Jakarta berbanding bandar-bandar lain di ASEAN.

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

**JUMLAH PENDAFTARAN PEMILIH BARU MENGIKUT BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN
BAGI TAHUN 2007 HINGGA TAHUN 2010**

Lampiran 1

BAHAGIAN PILIHAN RAYA	SEPANJANG	SEPANJANG	SEPANJANG	SEPANJANG
PARLIMEN	TAHUN 2007	TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010
P.001 PADANG BESAR	2,803	440	754	1,989
P.002 KANGAR	2,933	529	784	2,499
P.003 ARAU	1,970	357	570	1,514
P.004 LANGKAWI	1,858	251	430	2,233
P.005 JERLUN	3,577	328	1,319	2,435
P.006 KUBANGPASU	5,356	545	944	3,618
P.007 PADANG TERAP	3,832	204	1,383	2,274
P.008 POKOKSENA	6,199	736	1,360	4,716
P.009 ALORSTAR	4,323	693	1,137	4,103
P.010 KUALA KEDAH	6,268	845	1,461	5,232
P.011 PENDANG	3,917	359	1,102	4,820
P.012 JERAI	5,212	418	1,419	3,882
P.013 SIK	3,965	192	810	2,884
P.014 MERBOK	7,900	748	1,804	5,661
P.015 SUNGAI PETANI	6,807	885	1,607	6,862
P.016 BALING	7,129	450	1,821	7,657
P.017 PADANG SERAI	6,072	817	1,263	4,787
P.018 KULIM-BANDAR BAHARU	4,556	602	978	3,478
P.019 TUMPAT	5,797	682	1,860	7,043
P.020 PENGKALAN CHEPA	6,473	532	1,290	4,235
P.021 KOTABHARU	5,121	893	1,836	4,050
P.022 PASIR MAS	4,178	539	1,071	4,650
P.023 RANTAU PANJANG	2,961	347	1,094	2,718
P.024 KUBANG KERIAN	3,897	700	1,141	4,907
P.025 BACHOK	4,368	486	998	6,284
P.026 KETEREH	4,594	464	1,270	3,608
P.027 TANAH MERAH	3,630	332	1,058	3,357
P.028 PASIR PUTEH	4,919	465	1,689	4,905
P.029 MACHANG	4,133	373	911	3,677
P.030 JELI	2,344	301	576	3,559
P.031 KUALA KRAI	4,127	356	1,568	3,657
P.032 GUAMUSANG	2,524	317	1,396	4,632
P.033 BESUT	5,388	601	1,181	6,517
P.034 SETIU	4,702	438	3,141	4,510
P.035 KUALA NERUS	5,249	744	2,825	5,855
P.036 KUALA TERENGGANU	7,048	907	3,321	5,215
P.037 MARANG	6,978	626	3,525	5,699
P.038 HULU TERENGGANU	4,115	442	1,766	4,357
P.039 DUNGUN	6,289	575	2,400	5,113
P.040 KEMAMAN	6,796	932	2,572	6,554
P.041 KEPALABATAS	3,656	394	620	3,396

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN	SE PANJANG	SE PANJANG	SE PANJANG	SE PANJANG
	TAHUN 2007	TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010
P.042 TASEK GELUGOR	4,061	415	846	3,081
P.043 BAGAN	4,491	550	864	3,900
P.044 PERMATANG PAUH	4,613	806	1,890	4,041
P.045 BUKIT MERTAJAM	5,445	742	998	5,358
P.046 BATU KAWAN	4,458	609	584	3,007
P.047 NIBONGTEBAL	4,910	819	602	3,503
P.048 BUKIT BENDERA	3,134	564	645	3,948
P.049 TANJONG	1,337	241	408	1,812
P.050 JELUTONG	3,891	557	1,360	4,596
P.051 BUKIT GELUGOR	5,112	834	1,193	6,240
P.052 BAYAN BARU	5,685	830	1,819	5,589
P.053 BALIK PULAU	2,761	349	1,393	3,348
P.054 GERIK	3,020	494	962	2,928
P.055 LENGGONG	1,712	310	982	2,013
P.056 LARUT	2,845	603	2,457	2,656
P.057 PARIT BUNTAR	3,216	606	1,264	3,282
P.058 BAGAN SERAI	3,311	471	1,579	4,039
P.059 BUKIT GANTANG	4,455	1,086	4,501	5,226
P.060 TAIPING	5,351	1,046	2,222	5,815
P.061 PADANGRENGAS	1,621	350	1,058	2,003
P.062 SUNGAI SIPUT	3,988	591	1,050	3,240
P.063 TAMBUN	6,194	1,491	2,200	6,232
P.064 IPOH TIMOR	4,373	1,029	1,044	3,941
P.065 IPOH BARAT	4,863	1,075	1,103	3,937
P.066 BATUGAJAH	6,214	1,082	1,323	5,422
P.067 KUALA KANGSAR	1,995	548	786	2,560
P.068 BERUAS	3,978	635	890	3,235
P.069 PARIT	1,974	410	1,254	2,076
P.070 KAMPAR	3,339	547	1,173	3,131
P.071 GOPENG	8,473	1,445	2,680	7,430
P.072 TAPAH	2,942	418	1,074	4,619
P.073 PASIR SALAK	3,208	788	1,452	3,492
P.074 LUMUT	10,866	1,032	2,179	8,886
P.075 BAGAN DATOK	3,058	439	932	2,360
P.076 TELOK INTAN	3,455	883	1,453	3,430
P.077 TANJONG MALIM	4,220	967	1,776	5,002
P.078 CAMERON HIGHLANDS	1,617	283	414	3,089
P.079 LIPIS	2,089	401	754	1,710
P.080 RAUB	4,393	719	1,023	3,459
P.081 JERANTUT	3,682	697	1,729	3,087
P.082 INDERA MAHKOTA	4,114	901	1,806	4,158
P.083 KUANTAN	2,488	703	1,326	2,813
P.084 PAYABESAR	2,681	565	1,590	3,067
P.085 PEKAN	3,521	578	1,847	11,118
P.086 MARAN	1,048	466	978	1,921
P.087 KUALA KRAU	2,724	457	1,511	3,073
P.088 TEMERLOH	4,457	998	1,783	4,025
P.089 BENTONG	3,011	726	1,631	3,867
P.090 BERA	3,419	691	1,195	3,600

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN	SEPANJANG TAHUN 2007	SEPANJANG TAHUN 2008	SEPANJANG TAHUN 2009	SEPANJANG TAHUN 2010
P.091 ROMPIN	4,144	735	1,654	3,260
P.092 SABAKBERNAM	2,865	383	904	2,636
P.093 SUNGAI BESAR	3,780	424	1,413	3,409
P.094 HULU SELANGOR	7,232	1,018	1,438	7,303
P.095 TANJONG KARANG	3,448	374	599	3,640
P.096 KUALA SELANGOR	5,406	649	1,085	4,753
P.097 SELAYANG	8,038	1,570	2,030	8,246
P.098 GOMBAK	8,874	1,616	2,792	7,838
P.099 AMPANG	4,861	1,053	1,601	4,894
P.100 PANDAN	6,444	1,273	2,118	5,962
P.101 HULULANGAT	9,409	1,897	3,429	8,878
P.102 SERDANG	11,276	1,738	3,720	7,802
P.103 PUCHONG	8,691	1,525	2,186	7,364
P.104 KELANAJAYA	6,452	1,360	2,093	5,708
P.105 PETALING JAYA SELATAN	4,565	692	1,334	3,635
P.106 PETALING JAYA UTARA	4,078	788	1,366	3,426
P.107 SUBANG	8,618	1,854	3,427	10,377
P.108 SHAHALAM	5,760	1,581	2,570	5,324
P.109 KAPAR	10,267	1,978	2,649	8,421
P.110 KLANG	4,519	1,568	1,839	5,530
P.111 KOTA RAJA	5,797	1,826	2,606	7,765
P.112 KUALA LANGAT	6,090	934	2,204	6,751
P.113 SEPANG	5,412	836	1,584	6,940
P.114 KEPONG	3,501	1,048	493	2,816
P.115 BATU	6,668	1,213	1,362	5,505
P.116 WANGSA MAJU	4,523	643	1,165	3,791
P.117 SEGAMBUT	4,309	1,041	1,356	4,628
P.118 SETIAWANGSA	6,604	603	978	5,301
P.119 TITIWANGSA	2,416	549	901	2,377
P.120 BUKIT BINTANG	2,292	290	273	1,368
P.121 LEMBAH PANTAI	3,511	858	1,159	3,996
P.122 SEPUTEH	4,499	1,005	1,604	3,190
P.123 CHERAS	4,079	541	909	2,646
P.124 BANDAR TUN RAZAK	6,821	1,100	1,798	6,183
P.125 PUTRAJAYA	655	162	293	1,050
P.126 JELEBU	2,965	480	890	2,829
P.127 JEMPOL	4,448	821	1,404	4,477
P.128 SEREMBAN	6,504	1,307	2,030	5,180
P.129 KUALA PILAH	2,809	554	819	2,881
P.130 RASAH	7,027	977	1,648	4,722
P.131 REMBAU	5,944	1,136	1,597	4,988
P.132 TELOKKEMANG	6,664	619	1,525	5,034
P.133 TAMPIN	5,488	728	1,130	3,867
P.134 MASJID TANAH	2,428	430	780	2,414
P.135 ALORGAJAH	3,655	606	1,158	3,394
P.136 TANGGA BATU	7,564	702	1,522	6,535
P.137 BUKIT KATIL	5,716	1,435	2,876	6,057
P.138 KOTA MELAKA	4,314	944	1,853	3,982
P.139 JASIN	3,441	620	1,171	3,503

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN	SEPANJANG TAHUN 2007	SEPANJANG TAHUN 2008	SEPANJANG TAHUN 2009	SEPANJANG TAHUN 2010
P.140 SEGAMAT	2,650	529	714	2,404
P.141 SEKIJANG	2,773	596	895	2,339
P.142 LABIS	2,897	375	396	2,049
P.143 PAG OH	2,910	589	857	2,778
P. 144 LEDANG	3,669	801	1,255	4,923
P. 145 BAKRI	3,744	1,288	1,304	4,384
P.146 MUAR	2,244	674	1,116	3,772
P. 147 PARIT SULONG	3,537	542	787	3,565
P.148 AYER HITAM	3,370	434	696	3,243
P.149 SRIGADING	2,462	498	980	2,996
P. 150 BATUPAHAT	4,775	1,095	1,762	8,865
P.151 SIMPANG RENGGAM	2,572	472	695	1,996
P. 152 KLUANG	6,536	1,144	1,279	5,487
P. 153 SEMBRONG	2,210	417	688	4,962
P. 154 MERSING	3,225	504	1,302	3,301
P. 155 TENGGARA	3,157	429	872	2,609
P. 156 KOTA TINGGI	2,566	473	1,058	2,390
P.157 PENGERANG	3,119	353	896	2,041
P.158 TEBRAU	6,571	1,431	2,712	6,756
P. 159 PASIR GUDANG	7,642	1,310	4,054	6,780
P. 160 JOHOR BAHRU	5,399	866	1,561	4,613
P.161 PULAI	6,248	1,261	1,752	7,522
P. 162 GELANGPATAH	5,644	1,499	1,658	8,806
P.163 KULAI	6,221	1,202	1,429	4,950
P. 164 PONTIAN	2,247	484	1,210	2,584
P.165 TANJONG PIAI	3,054	612	784	2,646
P. 166 LABUAN	1,365	529	205	1,017
P. 167 KUDAT	2,751	526	588	1,970
P. 168 KOTAMARUDU	3,212	449	464	2,723
P. 169 KOTA BELUD	3,097	612	562	1,265
P. 170 TUARAN	2,545	637	503	1,420
P.171 SEPANGGAR	2,384	934	745	2,776
P. 172 KOTA KINABALU	1,308	557	314	912
P. 173 PUTATAN	2,376	428	459	1,522
P.174 PENAMPANG	1,860	747	560	1,511
P. 175 PAPAR	1,832	530	488	814
P.176 KIMANIS	1,498	300	358	642
P. 177 BEAUFORT	1,325	314	321	599
P.178 SIPITANG	1,387	503	356	747
P. 179 RANAU	3,204	285	814	2,046
P. 180 KENINGAU	1,997	423	514	1,241
P.181 TENOM	1,334	196	303	710
P. 182 PENSIANGAN	1,756	294	514	1,103
P. 183 BELURAN	1,011	195	529	1,605
P. 184 LIBARAN	3,424	284	1,009	1,767
P. 185 BATUSAPI	1,694	225	303	1,594
P.186 SANDAKAN	1,638	359	414	1,508
P.187 KINABATANGAN	1,691	256	820	1,071
P.188 SILAM	2,973	473	504	1,771

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN	SEPANJANG TAHUN 2007	SEPANJANG TAHUN 2008	SEPANJANG TAHUN 2009	SEPANJANG TAHUN 2010
P. 189 SEMPORNA	2,650	473	632	1,908
P. 190 TAWAU	2,656	1,167	547	2,311
P. 191 KALABAKAN	2,333	870	761	2,058
P. 192 MASGADING	609	328	574	1,133
P. 193 SANTUBONG	1,785	363	985	1,387
P. 194 PETRA JAYA	1,992	856	1,687	2,470
P.195 BANDAR KUCHING	1,004	484	578	1,337
P. 196 STAMPIN	4,421	1,887	2,108	4,409
P. 197 KOTA SAMARAHAN	2,346	686	1,359	3,200
P.198 MAMBONG	1,802	566	1,158	1,837
P.199 SERIAN	998	556	947	1,679
P.200 BATANGSADONG	757	228	552	941
P.201 BATANGLUPAR	911	520	670	1,127
P.202 SRIAMAN	734	308	807	1,639
P.203 LUBOKANTU	437	267	652	826
P.204 BETONG	927	599	660	1,333
P.205 SARATOK	678	324	617	1,333
P.206 TANJONG MANIS	525	215	333	823
P.207 IGAN	536	146	166	851
P.208 SARIKEI	1,334	842	821	1,658
P.209 JULAU	654	306	259	877
P.210 KANOWIT	681	216	476	751
P.211 LANANG	2,254	1,088	1,309	2,817
P.212 SIBU	2,750	1,017	1,451	5,178
P.213 MUKAH	1,162	472	650	842
P.214 SELANGAU	749	305	700	1,593
P.215 KAPIT	763	389	507	1,412
P.216 HULU RAJANG	1,221	465	570	1,732
P.217 BINTULU	1,895	1,038	1,308	3,513
P.218 SIBUTI	1,478	760	1,141	1,595
P.219 MIRI	2,462	2,193	1,079	3,417
P.220 BARAM	504	779	930	1,774
P.221 LIMBANG	516	546	373	1,783
P.222 LAWAS	450	451	571	777
JUMLAH KESELURUHAN	842,726	155,420	279,270	819,499

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN

Daripada

Dato¹ Tiong Thai King [Lanang]

1 4,549 orang pekebun kecil dengan jumlah keluasan 10,838.75 hektar telah menerima bantuan di bawah Skim Bantuan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Tarikh Menjawab 22 November 2011 (Selasa)

Soalan No. 31

Dato' Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan semenjak pelancaran Skim Bantuan Pekebun Kecil khasnya penanaman getah dan kelapa sawit:-

- (a) Bilangan pekebun kecil yang telah menerima bantuan ini; dan;
- (b) Jumlah keluasan dan hasil pengeluaran sehingga kini.

*

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, 2009 - 2010, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.0 juta untuk tujuan tanaman baru getah kepada seramai 2,034 pekebun kecil persendirian dengan keluasan 1,844 hektar di Sabah dan 748 pekebun kecil dengan keluasan 900 hektar di Sarawak. Bantuan yang telah disediakan meliputi bahan tanaman berkualiti dan input

Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Skim ini menyediakan bantuan sebanyak RM7,000 sehektar;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

pertanian seperti baja.

Bagi memperkuatkan tanaman getah oleh para pekebun kecil, Kerajaan juga telah memperuntukkan RM194.789 juta untuk tempoh 2011-2012 bagi melaksanakan skim tanaman baru getah dan skim tanaman semula getah di bawah *National Key Economic Area* (NKEA). Peruntukan ini akan digunakan untuk tujuan pembangunan kawasan baru dan tanaman semula getah di semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan sawit, bagi tempoh Januari hingga 20 September 2011, bantuan-bantuan yang telah diterima oleh pekebun kecil adalah:

- ii) 3,034 orang pekebun kecil dengan keluasan sebanyak 8,880.83 hektar di bawah Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Skim ini juga menyediakan bantuan sebanyak RM7,000 sehektar;
- iii) 3,645 orang pekebun kecil menerima bantuan Skim Insentif Tanaman Semula (SITS). Skim ini menyediakan bantuan sebanyak RM1,000 sehektar untuk tujuan penebangan pokok-pokok sawit yang tua; dan
- iv) 611 orang telah menerima bantuan Skim Diskaun Cantas di mana subsidi sebanyak RM1,000 diberikan bagi pembelian mesin menuai buah sawit iaitu CANTAS.

Tuan Yang Dipertua,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Jumlah keluasan dan pengeluaran getah dan sawit oleh sektor pekebun kecil bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti berikut:

KOMODITI	2009			2010			2011 (Jan-Jun)	
	Keluasan (Ha)	Bilangan (PK)	Pengeluaran (Tan)	Keluasan (Ha)	Bilangan (PK)	Pengeluaran (Tan)	Keluasan (Ha)	Pengeluaran (Tan)
GETAH*	827,060	400,493	800,791	879,035	489,992	883,092	1,045,380	1,048.38 ^e
SAWIT2	609,037	153,441	3,398,743	651,385	167,121	3,512,987	4,917,452	8,593,726

Nota:

* pengeluaran PK getah adalah 93% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan.

2 pengeluaran PK sawit adalah 20% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan.

^e anggaran

No. 73

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU

]

TARIKH: 22 NOVEMBER 2011

SOALAN:

**Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta PERDANA
MENTERI**

menyatakan bilakah formula penyemakan pengiraan pencen mengikut bilangan tahun perkhidmatan yang sepatutnya dilaksanakan pada 1 Januari 1996 tetapi telah ditangguh dapat dilaksanakan.

No. 32

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah pun melaksanakan penghitungan pencen mengikut formula berdasarkan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun atau 360 bulan bagi semua pesara dan penerima pencen berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. Dasar baru ini juga meliputi semua persaraan dan kematian dalam perkhidmatan **sebelum** tarikh kuat kuasa. Dasar baru ini membolehkan pesara dan penerima pencen menerima pencen sehingga semaksimum 60% daripada gaji akhir.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH 22 NOVEMBER 2011

SOALAN:

**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED minta PERDANA
MENTERI**

SOALAN NO: 33

menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan sistem pengenalan biometrik untuk pengundi dalam Pilihan Raya Umum akan datang. Jelaskan kebaikan dan keburukan sistem ini berbanding dengan penggunaan dakwat kekal untuk mengesahkan identiti pengundi.

|

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah memaklumkan bahawa ianya masih di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya.

Walau bagimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai cadangan dan pandangan bagi menambahbaik proses pilihan raya vana sedia ada perlu ditambahbaik laai. khususnya dalam konteks

NO. SOALAN : 34

penaaunaan sistem biometrik atau dakwat kekal. maka eloklah
dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada
Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan
Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada
SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta
kemampuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

[GOMBAK]

TARIKH

22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin AM [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bayaran perundingan atau khidmat-khidmat lain yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada FBC Media setiap tahun sejak tahun 2008. Jelaskan bilakah kontrak tersebut tamat dan alasan penamatan kontrak tersebut.

JAWAPAN: (DATO⁵ SERI MOHAMED NAZRf BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mendapatkan khidmat juru perunding FBC Media (UK) bagi menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi bermula pada tahun 2007. Kontrak selama setahun itu telah disambung sebanyak dua kali dan ditamatkan pada tahun 2010. Nilai kontrak untuk tiga tahun itu ialah Euro 19.6 juta. Kontrak tersebut ditamatkan memandangkan perkhidmatan syarikat tersebut tidak diperlukan lagi.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
	(BATANG SADONG)
TARIKH	22.11.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pendedahan terhadap aktiviti berbentuk kesihatan seperti riadah dan aktiviti lasak mencukupi di sekolah-sekolah memandangkan peningkatan masalah obesiti kepada golongan kanak-kanak dan remaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan apa juga aspek berkaitan dengan pembangunan modal insan negara, termasuklah dari aspek kesihatan. KPM juga sedar bahawa kesihatan adalah salah satu faktor penting dalam memastikan murid dapat belajar dengan cemerlang. Selain daripada aktiviti kesihatan seperti riadah dan aktiviti lasak, Kementerian Pelajaran juga ada memperkenalkan menu makanan sihat berdasarkan piramid makanan untuk kantin sekolah, menyediakan garis panduan bagi penyediaan jenis makanan yang disyorkan untuk kantin serta Garis Panduan Pengurusan Kantin Sekolah. Program Satu Murid Satu Sukan (1M1S) juga merupakan inisiatif Kementerian Pelajaran bagi memastikan semua murid melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya salah satu bentuk aktiviti senaman secara berkala.

Rjm 95

PEMBERITAHUAN

NO SOALAN /UQ

**PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2011

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah cadangan Bank Negara Malaysia untuk menilai kelayakan kredit pinjaman perumahan berdasarkan pendapatan bersih berbanding kasar akan dilaksanakan kerana ia akan menjelaskan kelayakan peminjam sebanyak hampir 40 peratus, terutama kepada golongan muda.

DRAF JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, paras keberhutangan sektor isi rumah di Malaysia bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini meningkat pada kadar purata tahunan 22.3% dan mencakupi 76.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar pada suku pertama 2011. Walau bagaimanapun, peningkatan paras keberhutangan ini disokong oleh peningkatan tahap pendapatan, keadaan pekerjaan yang stabil serta penilaian kredit yang kukuh oleh institusi kewangan.

2. Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah awalan yang perlu untuk memastikan kedudukan sektor isi rumah sentiasa terkawal pada tahap yang sihat dan tidak mengakibatkan ketidakstabilan kepada sistem kewangan dan ekonomi negara seperti yang berlaku di beberapa negara ekonomi maju seperti Amerika Syarikat dan Korea Selatan.

3. Salah satu langkah awalan yang diambil ialah dengan mengeluarkan garis panduan berkenaan tatacara pembiayaan runcit. Garis panduan ini memastikan institusi-institusi kewangan mengamalkan pemberian pinjaman yang berhemat dan bertanggungjawab.
4. Objektif utama garis panduan pembiayaan runcit ini adalah untuk memastikan produk pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan kepada seseorang individu adalah bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan kemampuan membayar semula pinjaman oleh individu tersebut. Dalam menilai kemampuan seseorang individu untuk membayar semula pinjaman, institusi kewangan perlu mendapatkan maklumat mengenai pendapatan individu tersebut selepas ditolak potongan berkanun (KWSP dan Potongan Cukai Berjadual - PCB) dan obligasi pembayaran balik hutang semasa mereka. Ini bagi memastikan hutang terkumpul seseorang individu bersesuaian dengan kemampuan mereka untuk membayar balik termasuk keupayaan menyerap pelarasan dalam kos pinjaman dan perubahan dalam pendapatan. Amalan ini telahpun dilaksanakan oleh kebanyakan institusi kewangan bertujuan untuk mengelakkan keadaan tahap keberhutangan individu yang keterlaluan sekaligus menggalakkan peminjaman secara bertanggungjawab oleh pengguna.
5. Fleksibiliti akan diberi kepada institusi kewangan untuk menentukan nisbah bayar hutang (*debt service ratio*) berhemat berdasarkan kepada polisi dalaman masing-masing. Justeru, akses kepada pembiayaan yang bersesuaian dengan keupayaan individu untuk menanggung pembiayaan kredit akan sentiasa tersedia.
6. Bank Negara Malaysia juga telah memperkenalkan program pendidikan kewangan tertumpu iaitu Pengurusan Wang Ringgit Anda atau POWER! Program ini bertujuan untuk melengkapkan individu dengan pengetahuan kewangan yang sewajarnya bagi membolehkan mereka membuat keputusan pembiayaan secara bertanggungjawab.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN(37)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 NOVEMBER 2011 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH
[KOTA BHARU]

SOALAN

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah pembinaan rumah awam yang dijanjikan dalam Pilihan raya Kecil Galas, Gua Musang 4 November 2010 akan dimulakan

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gua Musang telah **dimulakan pada 1 Julai 2011** dan **dijadualkan siap pada 30 Jun 2014** dengan nilai kontrak sebanyak RM 150 juta.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO: 39

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]
TARIKH 22 NOVEMBER 2011
SOALAN

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah siasatan dibuat terhadap aduan bahawa pihak polis menembak gas pemedih mata dan meriam air ke dalam perkarangan Hospital Tung Shin ketika berlangsung perhimpunan aman **BERSIH** pada 9 Julai lalu.

Tuan Yang di-Pertua

Di dalam usaha mencari kebenaran dan bersifat lebih telus mengenai isu ini, maka pihak Kementerian telah menujuhkan "**Jawatankuasa Siasatan Dalaman Peringkat Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia**", pada 15 Julai 2011, bagi tujuan melakukan siasatan secara mendalam dan teliti mengenai isu ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh **Ketua Setiausaha**, Kementerian Kesihatan Malaysia, lanya dianggotai oleh seramai enam (6) orang pegawai pengurusan peringkat tertinggi dan pegawai kanan Kementerian.

Matlamat utama penubuhan Jawatankuasa ini adalah bagi tujuan menyiasat secara teliti dan mendalam mengenai dakwaan terhadap wujudnya semburan air (*water-cannon*) dan tembakan gas pemedih mata (*tear gas*), ke arah HTS semasa berlakunya insiden perhimpunan haram oleh kumpulan BERSIH 2.0 pada tarikh 9 Julai 2011 (Sabtu) lalu, dan juga ‘*impak*’ terhadap insiden tersebut.

Berikut adalah penemuan (*findings*) yang telah berjaya diperolehi melalui siasatan oleh “Jawatankuasa Siasatan Dalaman Peringkat Tertinggi KKM” iaitu:

- (a) **Berlaku** semburan air (*water-cannon*) oleh anggota keselamatan PDRM, **ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)** yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan bertingkat dan pintu masuk utama HTS;
- (b) **Berlaku** tembakan gas pemedih mata (*tear gas*) dari arah premis Waz Lian oleh anggota PDRM **ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)** yang sedang berkumpul di tempat letak kereta a warn yang terletak di luar kawasan HTS; dan
- (c) **Berlaku** lontaran ‘bom asap’ oleh anggota PDRM, **ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)** yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan Hospital Bersalin Cina (*Chinese Maternity Hospital @ CMH*), pada 9 Julai 2011.

Berhubung dengan hasil siasatan yang menunjukkan berlakunya lontaran bom asap di kawasan *CMH*, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), memandang serius kejadian ini dan telah membawa perkara ini ke perhatian Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk diambil tindakan yang sewajarnya terhadap anggota PDRM yang terlibat (melakukan lontaran

bom asap), bagi tujuan memastikan perkara yang sama tidak akan berulang lagi di masa-masa akan datang.

Selain daripada itu, berikut adalah penemuan (*findings*) berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh jawatankuasa ini dari aspek '*impak*', mengenai dakwaan insiden tersebut, iaitu;

- a) **TIADA** sebarang aduan rasmi telah dibuat oleh mana-mana *in-house patient*, ataupun 'penjaga' kepada *in-house patient* ataupun 'pelawat' kepada *in-house patient*, kepada pihak pengurusan HTS, terhadap sebarang kecederaan, 'kacau-ganggu' (*disturbance*) ataupun *traumatic*, ekoran daripada insiden pada 9 Julai 2011;
- b) **Akibat** daripada rempuhan oleh para penunjuk perasaan (*demonstrators*) maka berlaku kerosakan kepada pagar di sebelah tempat parkir kenderaan HTS; dan
- c) **TIADA** sebarang gangguan berlaku terhadap operasi dan pengurusan di HTS, pada hari berkenaan.

NO-SoATCAKJ :

NQrAUMI -36-

NQrAUP ■,

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP
BUMBURING [TUARAN]**

TARIKH 22 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4206

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan undang-undang Kerajaan terhadap kumpulan BERSIH yang telah menunjuk perasaan secara berarak di ibu kota Kuala Lumpur tanpa kebenaran atau permit polis.

JAWAPAN :
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama dinegara ini telah diberi amanah dibawah Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara Malaysia. Oleh yang demikian, pihak polis telah menjalankan 1,509 tangkapan terhadap peserta Perhimpunan BERSIH 2.0 yang lalu dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,404 telah di ambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 106 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Manakala, sebanyak 105 tangkapan adalah untuk siasatan lanjut, di mana sebanyak 61 kertas siasatan di buka melibatkan seramai 84 orang yang berpotensi untuk di tuduh di mahkamah. Kesemua kertas siasatan ini telah pun di rujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

***** JAWAPAN BAGI **SOALAN NO. 40** TIDAK DAPAT DISERTAKAN KERANA KEMENTERIAN BERKENAAN TIDAK DAPAT MENYEDIAKAN JAWAPAN PADA HARI YANG DITETAPKAN.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
LISAN

PERTANYAAN

YB TUAN HAJI MOHD NOR OTHMAN

DARIPADA

HULU TERENGGANU

KAWASAN

22.11.2011 (SELASA) *3 4-j

TARIKH NO.

SOALAN
Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menamatkan dasar monopoli mengimport barang keperluan asas seperti beras, gula dan gandum.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

ingin dijelaskan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan _____ Industri (MITI) pada masa ini memantau pengimportan gula dan tepung gandum, manakala pengimportan beras pula diselia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

/

Bagi pengimportan guia bertapis, memandangkan keperluannya dapat ditampung oleh pengilang-pengilang gula tempatan, Kerajaan tidak membenarkan pengimportan gula bertapis kecuali kepada syarikat-syarikat pengilang yang menggunakan gula bertapis sebagai bahan mentah utama.

Bagi pengimportan tepung gandum pula, Kementerian ini terlibat dalam pengeluaran Lesen Import untuk kegunaan industri bagi memastikan kualiti tepung gandum yang diimport memenuhi standard yang telah ditetapkan. Lesen Import akan diberi kepada mana-mana pengilang yang memohon untuk mengimport tepung gandum mengikut keperluan mereka dengan syarat pengimportan disertakan dengan Sijil MS85 yang dikeluarkan oleh SIRIM Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai pengimportan beras, kawalan ke atas import yang dilaksanakan melalui BERNAS bertujuan membolehkan Kerajaan memantau dan menyelia secara lebih fokus struktur bekalan dan kawalan harga beras memandangkan ianya merupakan barang keperluan paiing utama penduduk Malaysia. Mekanisme pemantauan ini masih dikekalkan buat masa ini memandangkan kaedah^edia ada telah dapat membantu dan menjamin bekalan beras dalam negara pada harga yang kompetitif.

Soalan No : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
(DUNGUN)

TARIKH 22.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah sekolah menengah dan rendah yang baru dibina di seluruh negara dan berapakah jumlah sekolah masih belum siap dibina semenjak tahun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap pembangunan pendidikan termasuklah dalam pembangunan infrastruktur. Sepanjang RMKe-10 di bawah *1st Rolling Plan* sebanyak 46 projek sekolah baru telah dibina di mana 27 terdiri daripada sekolah rendah dan 19 adalah sekolah menengah. Secara keseluruhan projek tersebut bernilai RM778.2 juta. Semua projek ini kini di peringkat pembinaan dan pra-pembinaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, bilangan sekolah rendah dan menengah yang masih belum siap dibina dari tahun 2008 sehingga 2011 adalah berjumlah sebanyak 59 buah sekolah.